



DASAR HAK ASASI MANUSIA DAN PIAWAIAN BURUH

1.0 Pengenalan

QL Resources Berhad (“**QL**” atau “**Syarikat**”) dan anak-anak syarikatnya (“**Kumpulan**”) menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dasar ini mencerminkan komitmen QL untuk menjalankan perniagaan dengan menghormati hak dan maruah semua individu serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Kumpulan berusaha untuk memastikan hak asas setiap individu dihormati dan dipelihara dalam operasi perniagaan Kumpulan, di sepanjang rantai nilai serta dalam komuniti tempat Kumpulan beroperasi.

Dasar ini dirangka dengan berpandukan kepada rujukan berikut:

- i. Rangka kerja dan prinsip antarabangsa yang diiktiraf, termasuk Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja.
- ii. Undang-undang, peraturan dan kehendak kawal selia tempatan yang terpakai, termasuk Akta Kerja 1955.
- iii. Amalan syarikat dan organisasi tempatan serta antarabangsa yang diiktiraf atas kepimpinan mereka dalam pelaksanaan amalan hak asasi manusia.
- iv. Jangkaan pihak berkepentingan utama QL dengan mengambil kira maklum balas daripada Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia.
- v. Dasar, prosedur dan garis panduan QL yang sedia ada.

2.0 Skop

Dasar ini terpakai kepada:

- i. Warga Kerja QL
 - Dasar ini meliputi Ahli Lembaga Pengarah QL, sama ada Eksekutif dan Bukan Eksekutif, serta semua pekerja tetap dan kontrak tanpa mengira jawatan atau peranan.
- ii. Semua warga kerja hendaklah mematuhi Dasar ini bersama-sama dengan dasar, prosedur dan proses QL serta semua undang-undang yang berkaitan. Rakan Niaga QL



- Dasar ini turut terpakai kepada rakan niaga QL, termasuk pembekal, vendor, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil dan perantara lain yang melaksanakan kerja atau menyediakan perkhidmatan untuk dan bagi pihak QL.
- Semua warga kerja, tanpa mengira jawatan atau peranan, bertanggungjawab untuk memaklumkan Dasar ini kepada rakan niaga masing-masing.

3.0 Pendirian Kumpulan terhadap Hak Asasi Manusia dan Piawaian Buruh

Tanpa Diskriminasi

Kami berusaha untuk mengamalkan peluang yang sama rata di tempat kerja. Kami percaya bahawa setiap individu hendaklah dilayan dengan hormat dan bermaruah tanpa mengira latar belakang mereka. Kami komited untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi dalam pekerjaan dan aktiviti pekerjaan.

Kami berusaha untuk menastikan semua wanita dan lelaki dilayan secara adil di tempat kerja serta menghormati dan menyokong hak asasi manusia dan prinsip tanpa diskriminasi. Peluang sama rata akan diberikan kepada semua wanita dan lelaki dalam aspek pekerjaan, kemajuan kerjaya, kenaikan pangkat, latihan, pendidikan, pembangunan profesional, peranan kerja, pakej ganjaran dan faedah.

Kami mengiktiraf hak masyarakat orang asal terhadap status politik serta amalan sosial dan budaya mereka, termasuk hak kepada kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, sanitasi, keselamatan sosial, taraf hidup, bahasa, kepercayaan, budaya dan warisan yang tersendiri.

Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

Pengurusan dan penyelenggaraan tempat kerja yang selamat dan sihat merupakan sebahagian penting daripada operasi kami.

Kami berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat melalui penghayatan, penglibatan dan rasa tanggungjawab peribadi setiap pekerja. Pihak pengurusan dan pemimpin dijangka menunjukkan komitmen yang jelas melalui tingkah laku mereka.

Kami mematuhi semua undang-undang, peraturan, piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta keperluan dalaman yang berkaitan.

Kami komited untuk menyediakan latihan, komunikasi dan taklimat kesedaran keselamatan dan kesihatan yang mencukupi kepada warga kerja, pelawat dan rakan niaga yang terlibat dalam aktiviti di premis kami, bagi memupuk budaya keselamatan dan kesihatan yang mampan secara berterusan.

Keselamatan di Tempat Kerja

Kami berusaha mengekalkan tempat kerja yang selamat, profesional dan bebas daripada paksaan fizikal, keganasan atau ancaman keganasan, gangguan lisan, seksual atau



psikologi, buli, ugutan, penderaan, layanan kasar atau apa-apa bentuk layanan yang tidak berperikemanusiaan oleh pengurus mereka atau sesama pekerja.

Buruh Kanak-Kanak

Kami beriltizam untuk melindungi hak kanak-kanak dan melarang sama sekali penggunaan atau pengambilan buruh kanak-kanak dalam apa jua bentuk. Kami mematuhi sepenuhnya konvensyen antarabangsa serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan berhubung umur minimum pekerjaan di setiap negara kami menjalankan operasi.

Buruh Paksa atau Tidak Sukarela

Semua pekerjaan dengan Kumpulan QL adalah secara sukarela. Kami tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk buruh paksa atau tidak sukarela dalam mana-mana operasi kami. Ini termasuk buruh terikat, buruh hamba, buruh kontrak paksa atau pemerdagangan manusia.

Gaji, Waktu Bekerja dan Faedah

Kami memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan berhubung gaji, waktu bekerja, kerja lebih masa, faedah dan syarat pekerjaan.

Kami komited untuk mematuhi perundangan berkaitan gaji minimum tempatan dan memberi ganjaran kepada pekerja secara kompetitif berbanding piawaian pasaran dan industri.

Kami akan memastikan waktu bekerja dan kerja lebih masa pekerja mematuhi semua undang-undang yang berkaitan serta tidak melebihi had yang dibenarkan.

Kami menyediakan hak cuti sakit, cuti tahunan dan jenis cuti lain kepada semua pekerja sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang di negara tempat kami beroperasi.

Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif

Kami menghormati hak pekerja untuk menyertai atau tidak menyertai kesatuan sekerja atau mempunyai wakil pekerja yang diiktiraf selaras dengan undang-undang tempatan, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas, gangguan, ugutan atau penamatan pekerjaan.

4.0 Menangani Impak Hak Asasi Manusia dan Piawaian Buruh

Kami menyedari bahawa langkah perlu diambil untuk mengenal pasti dan menangani sebarang pelanggaran hak asasi manusia dan piawaian buruh yang mungkin melibatkan kami secara langsung atau tidak langsung melalui aktiviti perniagaan atau hubungan perniagaan kami.

Kami memahami bahawa pengurusan hak asasi manusia dan piawaian buruh merupakan proses berterusan. Oleh itu, kami akan menilai dan menyemak pendekatan kami secara berterusan bagi memperkukuh pengurusan isu hak asasi manusia dan piawaian buruh. Kami komited untuk melibatkan pekerja dan rakan niaga bagi mengenal pasti isu hak asasi manusia yang ketara berkaitan aktiviti Syarikat dan hubungan perniagaan kami.



Sebagai sebahagian daripada proses perniagaan untuk mematuhi Dasar ini, kami akan menjalankan usaha wajar hak asasi manusia dan piawaian buruh secara berterusan bagi menilai dan mengurangkan risiko pelanggaran yang berpotensi. Kami komited untuk mengambil tindakan berdasarkan dapatan usaha wajar, serta memantau dan menjejaki keberkesanan tindakan tersebut.

5.0 Kontraktor dan Rantaian Bekalan

Kami berhasrat agar semua pihak yang berurusan dengan kami dan berada dalam ekosistem rantai bekalan kami mendukung hak asasi manusia dan piawaian buruh selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan di negara tempat kami beroperasi.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- i. Melarang pengambilan pekerja kanak-kanak serta buruh paksa atau buruh terikat;
- ii. Memastikan layanan adil terhadap pekerja migran;
- iii. Menyediakan ganjaran dan faedah yang adil kepada pekerja, termasuk waktu bekerja, tempoh rehat dan cuti yang sewajarnya;
- iv. Menyediakan mekanisme aduan dan saluran pelaporan yang mencukupi untuk menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut terhadap tindakan balas;
- v. Menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat di tempat kerja dan premis; dan
- vi. Melarang semua bentuk rasuah dan korupsi.

6.0 Latihan, Pendidikan dan Komunikasi

Kami akan menyediakan latihan dan komunikasi berterusan kepada semua pekerja bagi meningkatkan kesedaran mengenai Dasar ini. Latihan tambahan berkaitan amalan hak asasi manusia dan piawaian buruh akan diberikan khususnya, tetapi tidak terhad, kepada Jabatan Sumber Manusia, Pengurus dan Ketua Unit Perniagaan.

Jangkaan QL berkaitan hak asasi manusia turut dimaklumkan kepada rakan niaga melalui Kod Etika Perniagaan untuk Pembekal dan Rakan Niaga seperti yang dinyatakan di pautan berikut: <https://ql.com.my/corporate-governance/>

7.0 Pematuhan

Warga kerja QL dan rakan niaga QL hendaklah mematuhi Dasar ini, Kod Tata Laku Pekerja dan Kod Tata Laku Pembekal khususnya yang berkaitan dengan perkara tempat kerja dan hak asasi manusia.

Kumpulan menghendaki semua warga kerja dan rakan niaga QL menghormati hak asasi manusia serta berwaspada terhadap sebarang bukti pelanggaran hak asasi manusia dalam operasi QL atau operasi pembekal dan rakan perniagaan kami.

Pematuhan terhadap Dasar ini adalah wajib bagi Kumpulan, warga kerja QL dan rakan niaga QL.



Sebarang pelanggaran Dasar ini akan ditangani dengan serius dan boleh mengakibatkan tindakan yang sewajarnya, termasuk semakan kontrak, pekerjaan atau pelantikan, tindakan tatatertib, penamatan perkhidmatan, penamatan hubungan perniagaan dan pelaporan kepada pihak berkuasa, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

8.0 Pelaporan dan Pemberian Maklumat

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk mendukung pendirian berkaitan hak asasi manusia dan piawaian buruh, Kumpulan telah mewujudkan mekanisme aduan, dasar, proses dan prosedur yang berkaitan di seluruh operasi perniagaan.

Dasar pengurusan aduan tempat kerja membolehkan pekerja membuat pendedahan secara selamat dan sulit berhubung sebarang salah laku, ketidakpatuhan atau pelanggaran Dasar ini. Semua aduan yang dilaporkan hendaklah disiasat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Pengurus barisan, Ketua Jabatan, Ketua Unit Perniagaan dan Jabatan Sumber Manusia bertanggungjawab secara bersama untuk memastikan aduan yang dibangkitkan diuruskan selaras dengan dasar pengurusan aduan yang berkaitan.

Di samping itu, Kumpulan telah mewujudkan Dasar Pemberi Maklumat yang menyediakan mekanisme kepada pihak dalaman dan luaran untuk melaporkan sebarang salah laku sebenar atau berpotensi. Ini termasuk isu dan kebimbangan berkaitan penyalahgunaan hak asasi manusia dalam perniagaan, pelanggaran piawaian buruh atau sebarang pelanggaran Dasar ini.

Semua laporan yang diterima dijamin tanpa nama dan akan dirahsiakan sepenuhnya.

QL juga komited untuk menyediakan remedi yang sewajarnya kepada pihak yang terjejas sekiranya dikenal pasti bahawa QL telah menyebabkan atau menyumbang kepada impak hak asasi manusia.

Pelaporan kebimbangan, salah laku yang disyaki atau pelanggaran boleh dibuat oleh pihak-pihak berikut:

- Pekerja QL, termasuk pekerja kontrak, sementara atau jangka pendek dan pekerja pinjaman, jika berkenaan;
- Individu yang melaksanakan perkhidmatan untuk QL, termasuk kontraktor dan penyedia perkhidmatan; dan
- Orang awam.

Semua pelaporan dan pemberian maklumat hendaklah dibuat kepada Orang Yang Ditetapkan. Maklumat lanjut dan butiran perhubungan boleh didapati melalui pautan berikut:

<https://ql.com.my/wp-content/uploads/2023/03/Whistleblower-Policy.pdf>

9.0 Semakan dan Penyemakan Semula Dasar

Dasar ini telah diperakukan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Februari 2024. Dasar ini akan disemak dan dikemas kini secara berkala sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya, dengan penyeliaan oleh



QL Resources Berhad
No. Pendaftaran 199701013419 (428915-X)
Dasar Hak Asasi Manusia dan Piawaian Buruh

Kumpulan Kerja Kelestarian. Sebarang kemas kini kepada Dasar ini akan dimaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan.